

“Crypto” contoh umat Islam boleh nyeleweng — Mahathir

ALOR SETAR, 28 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ajaran sesat yang dinamakan “Crypto” adalah satu contoh bagaimana umat Islam boleh menyeleweng kerana tidak mempunyai pengetahuan serta fahaman yang mendalam mengenai agama mereka.

Menurutnya, penyiatsatan yang dijalankan oleh kerajaan menunjukkan bahawa fahaman “Crypto” itu dianjurkan oleh orang-orang Islam sendiri yang berasaskan kepada kitab Injil dan Taurat.

Perdana Menteri berkata, pemimpin kumpulan itu dianggap oleh pengikut-pengikutnya sebagai Imam Mahadi.

“Kononnya roh Nabi Isa telah masuk ke dalam pemimpin kumpulan itu yang membolehkannya menerima wahyu,” kata beliau.

berkata, adalah satu perkara yang malang kerana masih ada orang-orang Islam yang terpengaruh dan sanggup mengikut ajaran sesat itu.

Menurutnya, kumpulan tersebut pada mulanya menggunakan agama Islam sebagai pancing untuk menarik orang ramai mengikut mereka.

“Ini sedang berlaku dan ia boleh berlaku kerana orang-orang Islam tidak begitu faham tentang agama mereka sendiri”, katanya.

Perdana Menteri menegaskan, adalah men-

rang Islam itu melucut atau memisahkan dirinya dari agama yang dianutnya akibat perubahan-perubahan sekeliling jika ia tidak mempunyai pengetahuan agama yang cukup.

Pemisahan itu, kata Perdana Menteri, juga boleh berlaku jika umat Islam menyalahafsirkan ajaran agama mereka semata-mata untuk kepentingan-kepentingan lain bagi faedah diri sendiri.

Beliau menambah, pemisahan itu mungkin juga berlaku jika umat

Berucap merasmikan kursus kadi, imam dan pegawai-pegawai agama di Jitra dekat sini pagi ini, Perdana Menteri mengingatkan umat Islam di negara ini terhadap usaha-usaha untuk memisahkan mereka dari ajaran agama Islam yang dijalankan oleh kumpulan-kumpulan tertentu yang sudah terpelekat itu.

Katanya, umat Islam hendaklah berhati-hati ke arah mana mereka sedang tuju dalam soal kepercayaan kepada agama itu kerana kemungkinan mereka memisahkan diri dari Islam bukanlah satu perkara yang mustahil.

"Kita harus berhati-hati sama ada kita skarang ini sudah berjalan ke arah memisahkan diri dari Islam. Kita juga harus berhati-hati kerana kemungkinannya ada dan janganlah kita fikir bahawa kita tidak mungkin jadi begitu," tegas beliau.

Bercakap mengenai kumpulan "Crypto" itu, Datuk Sri Dr. Mahathir

jadi tanggungjawab setiap umat Islam di negeri ini memastikan saudara-saudara mereka tidak mudah diselewengkan oleh ajaran sesat seperti fahaman "Crypto".

Akan tetapi, katanya, mereka hanya boleh berbuat demikian jika mereka mempunyai pengetahuan dan fahaman yang mendalam mengenai agama Islam.

Hanya dengan pengetahuan itu, kata Perdana Menteri, barulah umat Islam boleh memahami apa yang sedang berlaku di sekeliling mereka dan dapat membazirkan antara yang disuruh dan yang ditegah.

"Agama Islam adalah agama untuk semua bangsa dan sesuai untuk setiap ketika, tetapi penyesuaian itu bergantung kepada bagaimana bijak umat Islam mengaitkannya dengan segala perubahan yang berlaku" tegas beliau.

Dengan pengetahuan yang cukup katanya, umat Islam sudah tentu akan dapat menarik balik mereka yang terpesong ke jalan yang benar.

Beliau menarik perhatian, kemungkinan seseco-

Islam tidak hidup sebagai orang-orang Islam secara bersaudara dan tidak mahu menuntut ilmu seperti yang disuruh oleh agama.

Akibatnya tegas beliau, orang-orang Islam akan menjadi mundur dan orang-orang bukan Islam pula akan memandang orang-orang Islam sebagai golongan yang tidak berkeupayaan.

Apa yang lebih merbahaya kata Perdana Menteri, ialah kemungkinan orang-orang Islam sendiri yang akan berpendapat bahawa agama Islam sebenarnya tidak membawa sebarang manfaat.

Oleh itu kepercayaan mereka kepada agama Islam akan berkurangan dan sudah tentu sedikit-sedikit mereka mungkin juga akan terpisah dari agama Islam seperti yang telah berlaku ke atas umat Islam di beberapa buah negara", ujarnya.

Di negara-negara tersebut katanya, umat Islam sudah meninggalkan agama mereka dan masjid-masjid yang indah ditukar menjadi muzium-muzium untuk menyimpan barang-

barang purba.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, kejadian seperti ini sudah pun berlaku walaupun ia belum berlaku di negara ini.

"Sebab itulah kita harus berhati-hati sama ada kita juga sudah menuju ke arah itu. Kita tidak boleh kata ia tidak boleh berlaku pada kita. Kemungkinan memang ada jika umat Islam di negara ini tidak mempunyai pengetahuan agama", tegasnya.